

CNS2167

R GB 01-07 00177 BA679

bah

MAHATHIR AJAK UMAT ISLAM BUAT PENILAIAN SEMULA
(EMBARGO: Untuk Siaran Selepas Pukul 8 malam ini)
Mahathir - Hijrah

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak umat Islam merenung dan menilai kembali semua peristiwa yang ditempuhi pada tahun-tahun lepas dan membandingkannya dengan peristiwa-peristiwa dalam sejarah Islam.

Katanya, usaha seumpama itu penting bagi membolehkan umat Islam menjadikan semua yang berlaku sebagai iktibar dan pendorong untuk memperbaiki dan menggandakan usaha ke arah kecemerlangan umat dan agama.

Dalam perutusan sempena sambutan Ma'al Hijrah beliau juga menyeru seluruh masyarakat supaya sentiasa menumpukan perhatian kepada tugas dan tanggungjawab serta menanamkan semangat untuk memajukan lagi prestasi dan produktiviti masing-masing sesuai dengan tema sambutan tahun ini, +Berhijrah Ke Arah Kecemerlangan.+

+Jika kecemerlangan di zaman keagungan Islam dibanggakan oleh kita, maka kebanggaan itu akan lebih bermakna jika kita berusaha untuk mengembalikan semula kecemerlangan Islam,+ katanya.

Beliau juga mengingatkan umat Islam tentang kejayaan Nabi Muhammad menyatukan pelbagai golongan masyarakat pada zaman itu. -- Lagi.

▼01/07/19-01MST

CNS2168

R GB 01-07 00064 BA680

bah

Mahathir - Hijrah 2 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

+Kejayaan mempersaudarakan dan menyatupadukan pelbagai golongan ini adalah dianggap sebagai asas tamadun baru yang murni dan kukuh yang belum pernah berlaku dalam sejarah.

+Persaudaraan dan perpaduan inilah yang menjadikan penganut Islam begitu kuat sehingga mampu mengembangkan agama Islam ke seluruh dunia,+ kata Dr Mahathir. -- Bernama.

▼01/07/19-01MST